



## **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

### **SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BILANGAN 2 TAHUN 2011**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

### **PERATURAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING BAGI PROJEK ATAU KAJIAN KERAJAAN**

#### **Tujuan**

1. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini berserta Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 bertujuan memaklumkan peraturan baru bagi perolehan perkhidmatan perunding yang diperlukan untuk pelaksanaan projek pembangunan fizikal atau kajian yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan sama ada melalui:
  - (a) Peruntukan secara langsung daripada Kerajaan untuk membiayai sepenuhnya ataupun sebahagian kos projek/kajian;
  - (b) Peruntukan yang diperolehi melalui pinjaman sama ada daripada Kerajaan atau institusi kewangan tempatan atau antarabangsa; dan
  - (c) Peruntukan yang diperolehi melalui geran dari Kerajaan asing atau institusi kewangan antarabangsa

#### **Kebenaran Menggunakan Perkhidmatan Perunding**

2. Agensi yang ingin melaksanakan sesuatu projek pembangunan fizikal atau kajian, tetapi tidak mempunyai keupayaan dari segi kepakaran atau kakitangan di dalam organisasi sendiri dan bercadang untuk menggunakan perkhidmatan perunding, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran rasmi daripada Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal.
3. Bagi melaksanakan projek pembangunan fizikal, Agensi hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Teknik (Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Pengairan Dan Saliran) tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Sekiranya Jabatan Teknik tidak berkemampuan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut atau tidak memberi jawapan dalam

tempoh 14 hari dari tarikh surat Agensi diterima oleh Jabatan Teknik, Agensi boleh melaksanakannya dengan menggunakan perkhidmatan perunding.

4. Bagi pelaksanaan projek ICT yang memerlukan perkhidmatan perunding, Agensi hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada pihak MAMPU dengan mengemukakan permohonan melalui Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian masing-masing.

### **Kategori Perkhidmatan Perunding**

5. Perkhidmatan perunding yang dimaksudkan di dalam SPP ini adalah perkhidmatan yang disediakan oleh firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang perkhidmatan perunding berkaitan dan dikategorikan sebagai perunding fizikal dan perunding bukan fizikal.

### **Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding**

6. Pelantikan perunding hendaklah dibuat berasaskan kepada kepakaran, keupayaan profesional, kedudukan kewangan, prestasi perkhidmatan, pengalaman firma dan kriteria lain yang bersesuaian.

7. Beberapa penambahbaikan kepada proses pelantikan sedia ada telah dibuat dengan mengambil kira aspek ketelusan, integriti, persaingan serta kualiti dan keupayaan perunding. Perolehan perkhidmatan perunding kini terbahagi kepada tiga (3) kaedah dengan penerangan ringkas seperti berikut:

(a) Lantikan Terus Beserta Kos Siling

(i) Agensi memperakukan satu nama perunding dan kos siling perkhidmatan perunding untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus. Perunding yang telah diluluskan akan mengemukakan cadangan teknikal dan kos untuk dipersetujui oleh Agensi sebelum pelantikan rasmi dibuat.

(b) Tender Terhad

(i) Agensi memperakukan sekurang-kurangnya tiga hingga maksima sepuluh firma perunding untuk kelulusan senarai pendek oleh Jawatankuasa Penilaian Perunding. Perunding-perunding tersebut akan dipelawa untuk mengemukakan cadangan teknikal dan cadangan kos. Perunding yang lulus penilaian teknikal dan penilaian kos dengan cadangan keseluruhan yang terbaik akan diperakukan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebelum pelantikan rasmi dibuat.

(c) Tender Terbuka

(i) Agensi mengiklankan pelawaan melalui akhbar harian utama tempatan, laman web Agensi dan portal MyProcurement kepada perunding yang layak dan berminat, untuk mengemukakan cadangan teknikal dan cadangan kos. Perunding yang lulus penilaian teknikal dan penilaian kos dengan cadangan keseluruhan yang terbaik akan diperakukan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebelum pelantikan rasmi dibuat.

- (ii) Bagi pelawaan yang dijangka akan disertai oleh terlalu ramai perunding dalam sesuatu bidang, Agensi boleh memilih untuk melaksanakan tender melalui pra kelayakan. Tender melalui pra kelayakan terdiri daripada dua peringkat iaitu di peringkat pertama, Agensi mengiklankan pelawaan kepada perunding yang berminat untuk menyertai proses pra-kelayakan. Perunding yang lulus penilaian pra-kelayakan akan disenarai pendekkan dan diperakukan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus. Di peringkat kedua, perunding yang lulus senarai pendek akan dipelawa untuk mengemukakan cadangan teknikal dan kos yang lebih terperinci. Perunding yang lulus penilaian teknikal dan penilaian kos peringkat kedua ini dengan cadangan keseluruhan yang terbaik akan diperakukan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebelum pelantikan rasmi dibuat.

8. Penentuan kaedah perolehan perkhidmatan perunding bergantung kepada nilai kos projek, kos kajian atau kos kerja ukur yang akan dilaksanakan seperti di **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1**

| <b>Kaedah Perolehan</b>           | <b>Had Nilai</b>  |
|-----------------------------------|---|
| Lantikan Terus Beserta Kos Siling | 1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM5 juta<br>2. Kos Kajian sehingga RM500 ribu<br>3. Kos Kerja Ukur sehingga RM500 ribu |
| Tender Terhad                     | 1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM50 juta<br>2. Kos Kajian sehingga RM2 juta<br>3. Kos Kerja Ukur melebihi RM500 ribu  |
| Tender Terbuka                    | 1. Kos Projek Pembangunan Fizikal melebihi RM50 juta<br>2. Kos Kajian Fizikal/Bukan Fizikal melebihi RM2 juta                     |

9. Agensi adalah dilarang memecah kecilkan nilai projek pembangunan fizikal/kajian untuk mengelak daripada melaksanakan kaedah pelawaan yang lebih kompetitif/telus/terbuka.

10. Bagi melaksanakan perolehan perkhidmatan perunding untuk projek/kajian Kerajaan, Agensi hendaklah mematuhi kaedah perolehan sepertimana yang ditetapkan di para 8 di atas berdasarkan proses seperti di **Lampiran 1**.

11. Perolehan perkhidmatan perunding selain daripada kaedah yang ditetapkan (contohnya melalui pertandingan/*competition*) adalah tidak dibenarkan kecuali telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan.

12. Bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*), firma yang telah dilantik oleh Agensi sebagai perunding bagi sesuatu projek, tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam urusan perolehan bagi projek yang sama.

### **Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Perunding**

13. Bagi urusan pelantikan perunding, Agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) dengan ahlinya dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Agensi/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa. Penubuhan JPP boleh dilaksanakan secara tetap atau secara *ad hoc* mengikut keperluan projek/kajian dan kapasiti organisasi Agensi.

14. Tanggung jawab JPP di antara lain termasuk mempertimbangkan terma rujukan dan butiran anggaran kos yang telah diperincikan bagi perolehan perkhidmatan perunding yang disediakan oleh Agensi, menetapkan markah lulus penilaian teknikal, melaksanakan penilaian terhadap cadangan teknikal dan cadangan kos yang dikemukakan oleh perunding berdasarkan kriteria utama yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan memperakukan perunding yang layak untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus.

### **Pihak Berkuasa Melulus Dan Had Nilai Kuasa**

15. Bagi mempercepatkan proses perolehan perkhidmatan perunding dan selaras dengan pendekatan disentralisasi, penentuan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) telah diperluaskan dengan penetapan had nilai kuasa melulus perolehan perkhidmatan perunding seperti di **Jadual 2** berikut:

**Jadual 2**

| <b>Pihak Berkuasa Melulus (PBM)</b>   | <b>Had Nilai Kuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Perunding</b>   |
|---|---|
| Jawatankuasa Sebut Harga Agensi<br>- Bagi Agensi bukan teknik, di peringkat Ibu Pejabat sahaja; dan<br>- Bagi Jabatan Teknik, di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri | 1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM5 juta<br>2. Kos kajian sehingga RM500 ribu<br>3. Kos kerja ukur sehingga RM500 ribu |
| Lembaga Perolehan 'B' Agensi  | 1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM20 juta<br>2. Kos kajian sehingga RM2 juta<br>3. Kos kerja ukur sehingga RM2 juta    |
| Lembaga Perolehan 'A' Agensi  | 1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM200 juta<br>2. Kos kajian sehingga RM5 juta<br>3. Kos kerja ukur sehingga RM5 juta   |
| Kementerian Kewangan  | 1. Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM200 juta<br>2. Kos kajian melebihi RM5 juta<br>3. Kos kerja ukur melebihi RM5 juta   |

16. Bagi mengatasi kerumitan pelaksanaan projek-projek kecil, Jawatankuasa Sebut Harga Agensi (JKSH) diberi kuasa untuk meluluskan pelantikan satu perunding utama (*lead consultant*) bagi kos projek sehingga RM1 juta dan membenarkan perunding utama tersebut melantik perunding bidang lain (*associated consultants*) yang diperlukan bagi sesuatu komponen projek.

### **Kos Perkhidmatan Perunding**

17. Kos perkhidmatan perunding bergantung kepada skop kerja perunding yang ditetapkan di dalam terma rujukan. Ianya terdiri daripada dua komponen iaitu yuran perunding dan kos imbuhan balik.

18. Penetapan yuran perkhidmatan perunding bagi semua jenis kajian adalah berdasarkan kaedah bayaran Input Masa (*Man-Month*).

19. Penetapan yuran perkhidmatan perunding bagi pelaksanaan projek pembangunan fizikal dan kerja ukur secara amnya adalah berdasarkan kaedah bayaran Skala Yuran Piawai (*Scale of Fees – SOF*) untuk bidang perunding yang mempunyai Skala Yuran Piawai yang diiktiraf oleh Perbendaharaan atau berdasarkan kaedah bayaran Input Masa untuk bidang perunding yang tidak mempunyai Skala Yuran Piawai yang diiktiraf oleh Kementerian Kewangan.

20. Kos imbuhan balik hendaklah bersesuaian dengan projek/kajian yang dilaksanakan. Ianya adalah terhad kepada perbelanjaan yang dibenarkan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan tidak boleh digunakan bagi maksud meraih keuntungan.

21. Sebarang perubahan kepada skop kerja/terma rujukan perunding yang tidak melibatkan tambahan kos perkhidmatan perunding hendaklah mendapat kelulusan pihak berkuasa melulus yang asal. Bagi perubahan yang melibatkan tambahan kos, Lembaga Perolehan 'A' diberi kuasa untuk meluluskan tambahan kos perunding sehingga 60% daripada kos asal perunding yang diluluskan. Kelulusan tambahan kos melebihi 60% daripada kos asal perunding hendaklah diperolehi daripada Perbendaharaan.

22. Lembaga Perolehan 'A' Agensi diberi kuasa meluluskan tambahan kos perkhidmatan perunding tanpa had nilai jika tambahan tersebut disebabkan oleh *Variation Order* atau *Extension of Time* di dalam kontrak kerja dengan pihak kontraktor selaras dengan AP 187(c).

### **Perunding Individu Yang Dilantik Terus Oleh Agensi**

23. Perunding Individu yang dilantik terus oleh Agensi hanya dibenarkan bagi pelaksanaan kajian yang memerlukan kepakaran khusus yang tidak ditawarkan oleh firma perunding, tertakluk kepada syarat tempoh perkhidmatan tidak melebihi satu tahun dan kos perkhidmatan perunding tidak melebihi RM500 ribu. Penetapan yuran perunding adalah berdasarkan kaedah bayaran Input Masa.

24. Kelulusan pelantikan dan kos perkhidmatan perunding individu tempatan yang dilantik terus oleh Agensi adalah di peringkat Lembaga Perolehan 'B' Agensi, manakala pelantikan dan kos perkhidmatan perunding individu asing yang dilantik terus oleh Agensi adalah di peringkat Lembaga Perolehan 'A' Agensi.

### **Pelantikan Perunding Asing**

25. Perkhidmatan kepakaran/perunding asing hanya boleh diperolehi jika tiada kepakaran tempatan, dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Penetapan yuran perunding adalah berdasarkan kaedah bayaran Input Masa berasaskan *charge rate*.

26. Kelulusan pelantikan dan kos perkhidmatan perunding asing yang telah diambil secara *outsourcing* oleh firma perunding tempatan adalah di peringkat Pihak Berkuasa Melulus asal yang meluluskan perolehan projek/kajian berkenaan.

27. Agensi hendaklah memastikan perunding asing dalam bidang arkitek, kejuruteraan dan ukur bahan berdaftar secara sementara dengan Lembaga/Badan profesional di Malaysia selaras dengan Akta Lembaga Profesional masing-masing.

28. Agensi hendaklah melengkapkan borang tapisan keselamatan Majlis Keselamatan Negara di Jabatan Perdana Menteri bagi perunding asing yang akan dilantik dan menunggu sehingga kelulusan tapisan diperolehi sebelum membenarkan perunding berkenaan memulakan perkhidmatan.

### **Perjanjian Perkhidmatan Perunding**

29. Surat Setuju Terima yang dikeluarkan bagi pelantikan rasmi perunding berserta dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah dijadikan sebahagian daripada perjanjian perkhidmatan perunding.

30. Agensi hendaklah menandatangani perjanjian dengan pihak perunding dengan menggunakan format perjanjian piawai yang telah disediakan bagi semua perolehan perkhidmatan perunding tanpa mengira nilai selaras dengan hasrat AP176.1(c)

31. Sebarang perubahan kepada syarat-syarat di dalam perjanjian piawai yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah tidak dibenarkan.

32. Surat Setuju Terima dan perjanjian perkhidmatan perunding bagi pihak Kerajaan hendaklah ditandatangani oleh pegawai awam yang telah diberi kuasa di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Semakan 1973).

### **Pentadbiran Kontrak Dan Pemantauan Prestasi Perunding**

33. Agensi adalah diminta untuk mengambil perhatian yang serius berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak. Perkara ini hendaklah dilaksanakan dengan teliti dan teratur dari semasa ke semasa bagi mengesan dan mengenalpasti masalah dari peringkat awal lagi.

34. Perunding yang dilantik dikehendaki menyempurnakan obligasi yang ditetapkan di dalam perjanjian serta mematuhi peraturan Kerajaan yang berkuatkuasa. Perkara ini hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam perjanjian dengan perunding.

35. Kegagalan perunding mematuhi obligasi kontrak dan/atau peraturan berkenaan hendaklah diambil tindakan selaras dengan syarat-syarat yang terdapat di dalam kontrak dan dilaporkan kepada Perbendaharaan untuk tindakan sewajarnya. Agensi hendaklah menetapkan syarat pengenaan LAD (*Liquidated and Ascertained Damages*) ke atas perunding sekiranya terdapat kelewatan daripada jadual pelaksanaan yang telah persetujuan di dalam perjanjian.

36. Agensi hendaklah membuat pemantauan dan penilaian prestasi perunding pada setiap bulan sehingga tempoh perkhidmatan perunding tersebut tamat dan merekodkan penilaian ke dalam Sistem ePerunding. Sekiranya terdapat kecuaiian serius oleh pihak perunding, Agensi hendaklah juga melaporkan perkara tersebut kepada Lembaga Profesional yang berkenaan untuk tindakan sewajarnya.

37. Bagi perunding pembangunan fizikal, sekiranya berlaku kegagalan selepas projek siap, Agensi hendaklah mengeluarkan arahan secara bertulis kepada perunding yang terlibat untuk menyediakan Laporan Tunjuk Sebab mengenai punca-punca kegagalan dan kaedah mengatasinya kepada Kerajaan dengan segera selaras dengan syarat-syarat perjanjian perkhidmatan perunding.

## **Bayaran Cukai**

38. Cukai Perkhidmatan adalah cukai yang dikenakan oleh pihak Kerajaan di atas penggunaan sesuatu perkhidmatan, termasuk perkhidmatan perunding. Agensi adalah dikehendaki menyediakan sejumlah peruntukan untuk bayaran Cukai Perkhidmatan yang akan dibayar oleh perunding kepada Jabatan Kastam Di Raja Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Agensi hendaklah menentukan hanya perunding yang berlesen sahaja dibenarkan mengutip Cukai Perkhidmatan seperti yang disyaratkan.

39. Cukai Pegangan adalah satu amaun yang dipegang oleh pembayar terhadap pembayaran yang diterima oleh penerima bukan bermastautin (individu/badan selain individu) dan dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Agensi dikehendaki memotong Cukai Pegangan dengan kadar tertentu daripada bayaran yuran perunding bukan bermastautin (perunding asing) dan membayar cukai tersebut kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dalam tempoh satu bulan selepas bayaran dibuat kepada perunding bukan bermastautin selaras dengan Akta Cukai Pendapatan 1967.

## **Merekod Maklumat Perolehan Perkhidmatan Perunding Di Dalam Sistem ePerunding**

40. Setiap Agensi yang membuat perolehan perkhidmatan perunding adalah bertanggungjawab untuk merekod semua maklumat perolehan tersebut ke dalam Sistem ePerunding yang boleh dicapai melalui URL <https://eperunding.treasury.gov.my>.

## ***Integrity Pact***

41. Bagi mengukuhkan usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketelusan di dalam perolehan Kerajaan, *Integrity Pact* hendaklah dilaksanakan bagi semua urusan perolehan perkhidmatan perunding.

## **Perolehan Perkhidmatan Perunding Oleh Agensi Kerajaan Di Luar Negara**

42. Agensi Kerajaan di luar negara adalah tidak tertakluk kepada pemakaian SPP ini bagi perolehan perkhidmatan perunding.

## **Kuat Kuasa**

43. SPP ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersekali dengan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Bagi projek pembangunan fizikal atau kajian yang masih dalam pelaksanaan, Agensi adalah dibenarkan untuk membuat pelarasan kos perkhidmatan perunding tertakluk kepada peruntukan Agensi adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, kebenaran ini tidak boleh dijadikan sebagai sandaran untuk memohon peruntukan tambahan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

## **Pindaan dan Tambahan**

44. Dengan kuat kuasanya SPP ini, Arahan Perbendaharaan (AP) 182.1, AP 186, AP 187 dan AP 189 adalah dipinda seperti di **Lampiran 2**.

## **Pembatalan**

45. Dengan kuat kuasanya SPP ini, SPP dan Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) berikut adalah dibatalkan :

### SPP

- (i) SPP Bil. 3 Tahun 2006;
- (ii) SPP Bil. 8 Tahun 2006; dan
- (iii) SPP Bil. 8 Tahun 2007

### SAP

- (i) SAP bertarikh 29 Mac 2005;
- (ii) SAP bertarikh 19 Mei 2005;
- (iii) SAP bertarikh 15 Februari 2008;
- (iv) SAP bertarikh 17 Jun 2009;
- (v) SAP bertarikh 15 April 2010; dan
- (vi) SAP bertarikh 23 September 2010

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan


Kementerian Kewangan Malaysia

23 Mac 2011



s.k. Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara Malaysia  
Akauntan Negara Malaysia  
Semua Pegawai Kewangan Negeri

**Lampiran 1**  
(SPP Bil.2 Tahun 2011)



## **PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN YANG BERKAITAN DENGAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING**

### **182.1 Rujukan Kepada Jabatan Teknik**

- (a) Semua Jabatan Bukan Teknik hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Teknik iaitu **Jabatan Kerja Raya** atau **Jabatan Pengairan dan Saliran** bagi melaksanakan semua projek kerja tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- (b) Kementerian/Jabatan hendaklah mengemukakan kepada Jabatan Teknik maklumat lengkap seperti berikut:
  - (i) Kedudukan status tapak projek;
  - (ii) Ringkasan projek;
  - (iii) Siling projek;
  - (iv) Peruntukan tahunan; dan
  - (v) Jadual pelaksanaan projek.
- (c) Sekiranya Jabatan Teknik tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh **14 hari daripada tarikh surat Agensi diterima oleh Jabatan Teknik**, maka Kementerian/Jabatan boleh melantik perunding mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan surat yang dikemukakan, diterima di pejabat Jabatan Teknik dan disahkan oleh penerima.
- (d) Untuk kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian yang melibatkan bangunan Kerajaan Persekutuan, kelulusan daripada Bahagian yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri atau Jabatan yang diberi tanggungjawab untuk mengurus hal ini hendaklah diperolehi terlebih dahulu dan Arahan Perbendaharaan 182.1(a) dan (b) hendaklah dipatuhi.
- (e) Untuk kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian yang melibatkan bangunan yang disewa, kebenaran tuan punya bangunan hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Kementerian/Jabatan bolehlah menggunakan perkhidmatan perunding yang bertanggungjawab ke atas bangunan tersebut dan jika perunding berkenaan enggan, Kementerian/Jabatan bolehlah melantik perunding sendiri dengan mengikut peraturan semasa.

### **186 Kebenaran Menggunakan Perkhidmatan Perunding**

- (a) Kementerian/Jabatan dikehendaki merujuk projek masing-masing kepada Jabatan Teknik iaitu Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Pengairan dan Saliran terlebih dahulu sebelum melantik perunding. Jika Jabatan Teknik tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh **14 hari daripada tarikh surat Agensi diterima oleh**

**Jabatan Teknik**, maka Kementerian/Jabatan boleh melantik perunding mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

## 187 Pihak Berkuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Perunding

(a) Pihak berkuasa melulus perolehan perkhidmatan perunding adalah seperti berikut:

| <b>PBM</b>   | <b>Had Nilai Kuasa Melulus</b>  |
|--|---|
| Jawatankuasa Sebutharga Agensi<br>- Bagi Agensi bukan teknik, di peringkat Ibu Pejabat sahaja; dan<br>- Bagi Jabatan Teknik, di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri | 1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM5 juta<br>2. Kos kajian sehingga RM500 ribu<br>3. Kos kerja ukur sehingga RM500 ribu |
| Lembaga Perolehan 'B' Agensi   | 1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM20 juta<br>2. Kos kajian sehingga RM2 juta<br>3. Kos kerja ukur sehingga RM2 juta    |
| Lembaga Perolehan 'A' Agensi   | 1. Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM200 juta<br>2. Kos kajian sehingga RM5 juta<br>3. Kos kerja ukur sehingga RM5 juta   |
| Kementerian Kewangan   | 1. Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM200 juta<br>2. Kos kajian melebihi RM5 juta<br>3. Kos kerja ukur melebihi RM5 juta   |

(b) Kuasa meluluskan tambahan kos perkhidmatan perunding hanya diberikan kepada Lembaga Perolehan 'A' Agensi tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- (i) tambahan kos perkhidmatan perunding sehingga maksimum 60% yang disebabkan oleh perubahan skop asal atau perubahan kos projek/kajian. Sekiranya tambahan kos melebihi 60%, kelulusan hendaklah diperolehi daripada Kementerian Kewangan.
- (ii) tambahan kos perkhidmatan perunding tanpa had nilai yang disebabkan *Variation Order (VO)* dan *Extension Of Time (EOT)* dalam kontrak dengan pihak kontraktor.

## 189 Pematuhan Peraturan Perolehan Kerajaan Oleh Perunding

(a) Bagi projek atau kajian yang diuruskan oleh perunding, Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan peraturan-peraturan perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya oleh perunding.